

10 MAR 2003

Agong-Islam

RAKYAT PERLU DIBERI PENJELASAN KONSEP NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Pengertian mengenai negara Islam dan jihad serta penggunaan institusi masjid yang sebenar perlu diperjelaskan kepada rakyat memandangkan telah ada tanda-tanda yang boleh menjejaskan perpaduan ummah jika dibiarkan berterusan, titah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

"Ini adalah akibat umat Islam tidak berpegang kepada pendapat yang muktabar dan sahih mengenai beberapa perkara seperti pemahaman Malaysia sebagai sebuah negara Islam, pengertian jihad dan penyalahgunaan institusi masjid," titah Seri Paduka.

Tuanku Syed Sirajuddin mahukan penjelasan mengenai perkara-perkara itu dilakukan segera bagi memastikan negara terus berada dalam keadaan yang stabil, aman dan sejahtera.

Yang di-Pertuan Agong turut melahirkan rasa dukacita dan memandang berat kegiatan sesetengah sekolah agama rakyat yang tidak mengajar agama Islam yang sebenar tetapi mengajar murid-muridnya membenci sesama Islam, sedangkan Islam mengajar bahawa semua umatnya bersaudara.

Baginda bertitah demikian pada istiadat pembukaan rasmi mesyuarat pertama penggal kelima Parlimen ke-10, di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

"Sekiranya kerajaan beta terus menyokong sekolah-sekolah agama yang menyeleweng, ini bermakna kerajaan menyokong pengajaran perkara yang bertentangan dengan agama Islam," titah Yang di-Pertuan Agong.

Bagimanapun, baginda bersyukur kerana telah ramai ibu bapa dan murid-murid sekolah agama rakyat menyahut seruan kerajaan dengan berpindah ke sekolah-sekolah kebangsaan yang mana mereka akan memperolehi pendidikan yang seimbang meliputi fardu ain dan juga fardu kifayah.

Mengenai isu global, Tuanku Syed Sirajuddin yakin dengan kepimpinan Malaysia untuk terus menyuburkan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) supaya ia terus kekal relevan dan memenuhi aspirasi dan kepentingan anggotanya.

"Selaku pengerusi untuk tempoh tiga tahun akan datang, Malaysia mampu menerajui Pergerakan Negara-Negara Berkecuali dengan membawa pergerakan itu menghadapi cabaran-cabaran masa kini demi keadilan, kemakmuran dan kesaksamaan sejagat serta menyumbang ke arah penyelesaian konflik secara aman," titah Seri Paduka.

Baginda turut mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pihak kerajaan berikutan kejayaan penganjuran Sidang Kemuncak NAM ke-13 baru-baru ini.

Baginda juga melahirkan rasa kesal kerana dunia kini berhadapan dengan pelbagai masalah termasuk ancaman keganasan yang dikaitkan dengan imej agama, masyarakat dan negara-negara Islam di seluruh dunia.

"Sebaliknya, tindakan yang jauh lebih ganas yang dilakukan oleh kumpulan atau individu bukan Islam, langsung tidak pernah dikaitkan dengan agama mereka," titah Seri Paduka.

Tuanku Syed Sirajuddin juga mahu melihat para pelajar di negara ini mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik sejajar dengan perkembangan bidang sains dan teknologi.

Bagaimanapun baginda kesal kerana keputusan kerajaan melaksanakan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris telah disalahtafsirkan dan dijadikan isu oleh sesetengah pihak.

"Tindakan ini mencerminkan pemikiran mereka yang sempit tanpa kesedaran

akan kepentingan membangunkan masyarakat Malaysia yang harmoni," titah baginda.

Seri Paduka juga bertitah tumpuan akan terus diberi kepada pembangunan infrastruktur bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar dan juga masyarakat orang asli.

Titah baginda Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat akan diperluas bagi menangani ketermiskinan, kemiskinan am serta kumpulan mudah miskin di luar bandar dan di bandar. Manakala kemajuan masyarakat orang asli akan dibangunkan dengan lebih terancang dengan memberi keutamaan kepada bidang pendidikan, ekonomi dan kesihatan.

Faktor kesihatan rakyat juga, titah baginda, amat penting dalam pembangunan negara dan sehubungan itu, penekanan akan terus diberikan kepada perancangan kesihatan fizikal, rohani, mental dan persekitaran.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah tumpuan juga akan terus diberikan kepada pembangunan perumahan dalam menjamin kesejahteraan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Baginda juga berharap Dasar Sosial Negara akan dapat memantapkan dan mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan rakyat.

-- BERNAMA

FA AZH ROS